



SILAT BERCIRI ANTARABANGSA: (Dari kiri) Jodie, Jason dan Scott menunjukkan kemahiran bersilat semasa di Balai Rakyat Kampong Kembangan. Silat diceburi mereka kerana ciri-ciri antarabangsanya.

Seni silat pilihan tiga belia Australia ³

14 JUL 1990

Oleh **TUMINAH SAPAWI**

CIRI-CIRI antarabangsa seni silat telah menarik tiga belia Australia menceburinya, bukan saja untuk mempertahankan diri, bahkan untuk meningkatkan ketahanan jasmani mereka.

Ketiga-tiganya, dua orang adik-beradik, Scott dan Jodie Minchin serta sepupu mereka Jason Cox, berpendapat bahawa seni silat mudah dipelajari.

"Biarapun ia berasal dari Malaysia dan Indonesia, namun ciri-ciri antarabangsanya tetap ada. Ini memudahkan kami yang berasal dari budaya lain untuk menyertainya," ujar Scott Minchin, 21 tahun.

Scott yang bertugas sebagai kakitangan awam berkata bahawa seni silat sesuai bagi dirinya yang bertubuh kecil.

"Ia juga tidak memerlukan tenaga yang berlebihan tetapi berkesan dalam membina ketahanan seseorang," ujar Scott yang mengikuti kursus ijazah di Universiti

Curtin secara sambilan.

Jodie, 18 tahun, yang sedang mengikuti kursus ijazah dalam kewartawanan di Universiti Curtin berkata beliau tertarik pada silat kerana pergerakannya yang halus.

"Ia sejenis sukan yang tidak memerlukan seseorang berlari ke sana sini dan sesuai bagi diri saya yang mempunyai pergelangan kaki yang lemah," ujar Jodie.

Sepupunya, Jason, 15 tahun, menyertai seni silat sejak dua tahun yang lalu. Penuntut Kolej St Norbert itu berkata bahawa perbezaan budaya tidak menyukarkannya untuk menyertai sukan itu.

"Pergerakannya mudah dan berkesan untuk kesihatan jasmani," ujar Jason yang berlatih dua kali seminggu.

Ketiga-tiganya sedang ber-cuti di Singapura selama 10 hari. Mereka telah mengunjungi Balai Rakyat Kampong Kembangan Sabtu lalu untuk mengetahui kegiatan yang dianjurkan oleh balai-balai rakyat di Singapura.

Lawatan itu telah diatur oleh penasihat Perikatan Selayang Pandang, Encik Dzulkarnain Nordin, yang mengenali Scott dua tahun lalu ketika Scott mengambil bahagian dalam Kejohanan Silat Antarabangsa di Singapura.

Satu persembahan silat oleh kumpulan Perikatan Selayang Pandang telah diumumkan dalam acara lawatan mereka.

Penceburan Scott, Jodie dan Jason telah didorong oleh pak cik mereka, Encik David Jennings, yang bertindak sebagai jurulatih di pertubuhan silat Jan De Jong di Australia.

Pertubuhan itu yang merupakan pertubuhan silat terbesar di Australia, mempunyai kira-kira 300 orang anggota.

Ia diketuai oleh Encik Jan De Jong, seorang Indonesia berdarah Belanda.

Selain silat, pertubuhan Jan De Jong juga terlibat dalam kegiatan memungut dana dan kegiatan kebajikan.